

## PENCAPAIAN FAKULTI

# اسقیراسي ASPIRASI FPP

Dr. Wan Normila Mohamad



### ASPIRASI [as.pi.ra.si] | اسقیراسي

Definisi: keinginan yang kuat (utk mencapai, mengadakan, dll sesuatu), cita-cita: seperti yang ditegaskan oleh Esman, ~ berbagai-bagai kaum kini sudah berubah; mengaspirasikan mempunyai keinginan yang kuat terhadap sesuatu, mencita-citakan: terdapat jurang pemisah antara pemimpin yang berorientasikan Barat dengan umat yang rata-rata ~ cara hidup Islam di kebanyakan negara Islam. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Majalah Aspirasi adalah majalah sulung terbitan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Idea yang disuntik oleh Pn. Nur Fadhlina Zainal Abedin di dalam mesyuarat Jabatan FPP telah sebulat suara dipersetujui oleh semua pensyarah fakulti pada bulan Februari 2020. Fenomena Covid-19 dan Perintah Kawalan Keselamatan (PKP) yang bermula pada Mac 2020 telah membuka dan bakal menjadi lembaran sejarah kepada manusia di Abad ke21. Fenomena ini juga telah menjadi perintis kepada penulisan dan akhirnya penerbitan ASPIRASI FPP edisi pertama.

Kerjasama dan komitmen seluruh warga fakulti amat memberangsangkan, tambahan pula kerja-kerja penerbitan ini dilakukan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Hikmah PKP yang bakal menjadi titik sejarah kepada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) Kampus Seremban. Pihak fakulti amat berbesar hati dengan penglibatan Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diterajui oleh Puan Wan Norizan Wan Mansor sehingga penerbitan majalah ini berjaya mendapat E-ISSN dan ISSN dari Perpustakaan Negara. ASPIRASI FPP akan diterbitkan sebanyak dua kali setahun iaitu Edisi Jun dan Edisi Disember. Sumbangan para akademia di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Seremban yang terdiri daripada 19 orang Pensyarah Kanan dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan dapat meningkatkan lagi kesarjanaan dan pembangunan kerjaya masing-masing.

Edisi 1, 2020 berorientasikan Aspirasi, Pengurusan dan Strategi, Kepimpinan, Pembangunan Diri, Ekonomi, Idea Perniagaan, Kewangan dan Pelaburan, Komuniti, Teknologi, Umum, Penulis Jemputan, Pencapaian Fakulti dan Trivia. Pelancaran dan perasmian ASPIRASI FPP telah diadakan dengan jayanya pada 15 September 2020 oleh YBhg. Prof. Dr. Yamin Bin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Beliau sangat menyokong dan gembira dengan inisiatif Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Seremban yang sememangnya amat digalakkan di kalangan para akademik. Semasa pelancaran ini juga 35 naskah telah disediakan untuk diedarkan ke bahagian dan unit yang terpilih. Selaras dengan aspirasi YBhg. Naib Canselor UiTM untuk meletakkan universiti keramat ini di persada global, penerbitan majalah ini sebahagian daripada usaha meningkatkan lagi ketampakan universiti (visibility) di samping meningkatkan MyRA skor UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Terbitan ASPIRASI FPP adalah merupakan penulisan yang bermanfaat yang secara tidak langsung mempromosikan kepakaran para akademia kepada agensi, jabatan, masyakarat melalui khidmat penyelidikan, perundingan, jaringan kerjasama dan sebagainya demi melonjakkan lagi nama baik universiti. Tahniah dan syabas kepada semua pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Seremban atas kerjasama dan komitmen yang sangat cemerlang. Semoga sumbangan kecil yang besar maknanya kepada fakulti dapat menyumbang kearah kecemerlangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

